



PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

EXEMPTED BUSINESS (Motion) [Col. 3244]

BILL:

The Supply Bill, 1963—

Committee of Supply (Tenth Allotted Day)—

Head S. 25 [Col. 3195]

Heads S. 26, S. 27 and S. 28 [Col. 3209]

**Heads S. 29, S. 30, S. 31, S. 32, S. 33, S. 34, S. 35,
S. 36, S. 37 and S. 38 [Col. 3240]**

Heads S. 39 and S. 40 [Col. 3292]

FEDERATION OF MALAYA
DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Fourth Session of the First Dewan Ra'ayat

Monday, 17th December, 1962

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Internal Security and Minister of the Interior, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' MOHAMED KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Health, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB (Kuantan).
- „ the Minister of Education, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister without Portfolio, ENCHE' ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
- „ the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).
- „ the Assistant Minister of Labour and Social Welfare, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Information and Broadcasting, ENCHE' MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF (Jerai).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, P.J.K. (Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungei Patani).
- „ TOH MUDA HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.I.S. (Segamat Utara).

The Honourable TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).

- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).
- „ ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J.
(Johor Bahru Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ DR BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).
- „ ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).
- „ ENCHE' V. DAVID (Bungsar).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).
- „ TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD
(Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Melaka Selatan).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN
(Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN HAJI KASSIM
(Kuala Trengganu Selatan).
- „ ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).
- „ ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
- „ CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).
- „ ENCHE' LEE SAN CHOON (Kluang Utara).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).
- „ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
- „ ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
- „ DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K.
(Pasir Mas Hulu).

- The Honourable ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
- „ ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID (Rembau-Tampin).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).
- „ TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N.
(Johor Tenggara).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
- „ TENGKU BESAR INDERA RAJA IBNI AL-MARHUM SULTAN
IBRAHIM, D.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' TOO JOON HING (Teluk Anson).
- „ ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
- „ WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED (Kemaman).
- „ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
- „ PUAN HAJJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S.
(Pontian Selatan).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).
- „ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR,
S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.
- „ the Prime Minister, Minister of External Affairs and
Minister of Information and Broadcasting, Y.T.M. TUNKU
ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Minister without Portfolio, DATO' SULEIMAN BIN DATO'
HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Muar Selatan).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI
JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister without Portfolio, DATO' ONG YOKE LIN,
P.M.N. (Ulu Selangor).
- „ the Minister of Labour and Social Welfare,
ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE
AUN, J.P. (Larut Selatan).

The Honourable ENCHE' GEH CHONG KEAT (Penang Utara).

- „ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).
- „ ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N. (Sepang).
- „ ENCHE' LIM JOO KONG, J.P. (Alor Star).
- „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Barat).
- „ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
- „ WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Minister of Justice, TUN LEONG YEW KOH, S.M.N.

PRAYERS

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

BILL

THE SUPPLY BILL, 1963

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (Tenth Allotted Day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

SCHEDULE

Head S. 25—

Debate resumed on Question:

That the sum of \$96,793,044 for Head S. 25 stand part of the Schedule.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek (Dungun): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap dalam bahagian Public Health Services sa-bagaimana yang tersebut di-dalam Sub-head 24. Saya perhatikan peruntukan bagi tahun 1963 lebeh kurang sama dengan tahun yang lalu. Saya fikir untuk kepentingan ra'ayat di-kampung² peruntukan ini harus di-tambah supaya kesihatan orang kampung itu dapat di-jaga, tetapi kalau peruntukan dalam hal ini di-kurangkan, maka kesihatan orang²

kampung harus akan di-chuaikan dari-pada biasa, dan orang kampung akan banyak pergi ka-hospital. Oleh itu untuk menjaga supaya kesihatan mereka itu terjamin dan untuk menjauhkan penyakit, maka saya fikir peruntukan di-dalam bahagian ini patut-lah di-lebeuhkan.

Sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan Assistant Nurses di-dalam Item (378). Beberapa hari yang lalu Ahli² Yang Berhormat di-sabelah sana mengatakan bahawa kekurangan nurse di-hospital itu di-sebabkan oleh keadaan masharakat orang Melayu dan muballigh Islam yang mengong-kong anak perempuan kita. Saya fikir, Tuan Pengerusi, perkara itu tidak ada kena-mengena dengan soal ini, dan saya menafikan. Saya berpendapat kekurangan nurses di-dalam hospital itu ia-lah di-sebabkan Kerajaan maseh mendewakan² bahasa Inggeris, dan mereka itu hendak-lah mempunyai credit dalam bahasa Inggeris.

Di-dalam Dewan yang bertuah ini dahulu saya ada membawa satu chadangan berkenaan dengan Assistant Nurse dan Nurse ia-itu meminta kepada Kerajaan mengambil chalon itu hendak-lah lulus daripada Sekolah Rendah Melayu. Erti-nya sa-telah murid² itu tamat daripada sekolah Melayu di-ambil untuk belajar Assistant Nurse ini.

Dan kalau sa-kira-nya hujah yang sudah² saya ada dengar bahawa kita belum mempunyai buku² yang chukup untuk pelajaran di-dalam soal Nursing ini yang ada dalam bahasa Melayu, kalau itu-lah alasan lagi daripada pehak Kerajaan, Tuan Pengerusi, maka saya mengatakan ajar-lah dua atau tiga tahun budak² ini belajar pelajaran Assistant Nurse dalam pada itu di-naikkan dia menjadi Nurse dan dalam pada itu di-ajar-lah mereka itu ia-itu pelajaran yang tertentu bagi mempelajari bahasa Inggeris. Jadi dalam masa yang sesuai pada fikiran Kerajaan kalau sa-kira-nya Assistant Nurse dalam tiga tahun maka dua tiga tahun untuk Nurse maka mereka boleh akan terus, Tuan Pengerusi. Sebab saya berpendapat kalau Kerajaan bersungguh² hendak merasmikan bahasa Melayu dan bersungguh² untuk membuktikan supaya bahasa Melayu itu satu bahasa yang utama di-dalam negeri kita ini. Saya melihat, Tuan Pengerusi, pada masa yang sudah² ia-itu masa Jepun memerintah di-sini, baharu sahaja Jepun masuk, Jepun tidak mahu mendengar bahasa Inggeris atau bahasa² penjajah di-negara² yang lain, dia mahu bahasa-nya di-utamakan maka di-lateh-nya murid² itu dalam 6 bulan mereka boleh mahir dalam bahasa Jepun. Maka murid² ini di-ambil-nya untuk bahagian sekolah tinggi untuk masuk Nurse dan sa-bagai-nya. Dan bukti-nya nampak saya sangat memuaskan hati, Tuan Pengerusi.

Bagitu juga saya melihat sa-masa saya dahulu salah sa-orang guru di-Indonesia, Tuan Pengerusi, saya melihat juga bagaimana anak² yang di-dalam Sekolah Belanda itu ditinggalkan oleh Jepun di-ambil anak² yang belajar walaupun di-dalam pelajaran yang rendah dalam Sekolah Melayu tetapi mahir dalam bahasa Jepun di-pilih-nya dan di-masokkan untuk menjadi Nurse dan Assistant Nurse atau untuk menjadi guru tinggi yang memerlukan memakai bahasa Jepun dan hasil-nya juga saya nampak memuaskan, jadi di-paksakan sedikit. Nampak saya di-sini bahasa Melayu kita belum lagi bagitu pesat perjalanannya sebab mula² tahun 1957 sampai-lah

pada hari ini sudah 5 tahun, Tuan Pengerusi, nampak-nya perbezaan untuk memajukan anak² dalam Sekolah Melayu itu belum berapa lagi. Jadi saya minta supaya kalau betul² sungguh kita hendak membanyakkan anak² Melayu di-dalam Jururawat atau Penolong Jururawat ini tidak ada lain jalan lagi, Tuan Pengerusi, kalau maseh di-pertandingkan sa-bagaimana yang sudah² tentu-lah sa-kali anak² Melayu tidak akan dapat dudok di-dalam jawatan Jururawat ini. Jadi bukan kesalahan-nya kapada masharakat orang Melayu yang tidak melepaskan anak² perempuan-nya atau kapada muballigh Islam yang maseh mengkongkong keluaran anak² mereka itu. Di-sini saya boleh mengatakan kalau sa-kira-nya Kerajaan mahu menerima anak² berkelulusan darjah VI atau darjah khas dalam darjah VII untuk Penolong Jururawat atau untuk Jururawat saya sedia untuk menjamin berapa yang dikehendaki oleh Kerajaan saya akan pergi ka-kampung² untuk menchari-nya. Kalau sa-kira-nya kata saudara² Yang Berhormat yang mengatakan bahawa kongkongan itu datang dari ibu bapa orang² Melayu sendiri, ini tidak benar, Tuan Pengerusi. Saya yakin betul banyak anak² itu sampai menangis bila pergi interview, balek ka-rumah menangis kerana tidak dapat memasoki apa yang di-kehendaki oleh anak² perempuan kita itu. Sebab kalau kita maseh mengambil murid² yang berkelulusan daripada School Certificate atau yang lepasan senior, Tuan Pengerusi, memang sangat sedikit sa-kali harapan bagi anak² kita orang² Melayu. Kerana yang masuk ka-sana itu hanya sa-gelintir sahaja ia-itu dari anak² orang² kaya atau dari orang² yang berkebolehan sahaja. Sedangkan sa-bahagian besar daripada anak² perempuan Melayu hanya menduduki sa-takat Sekolah Rendah di-kampung² ia-itu Sekolah Rendah Melayu sahaja.

Tuan Pengerusi, saya dengar ucapan Menteri Yang Berhormat ia-itu hendak memberikan penerangan di-kampung² supaya orang² kampung dapat mengusahakan makanan² yang berzat. Ini sangat saya setuju² sa-kali, Tuan Pengerusi, kerana dengan memberikan penerangan² yang luas kapada ra'ayat

di-kampung², makanan yang mana mempunyai zat yang bagus untuk kesihatan tetapi saya berharap supaya jangan-lah Pegawai² Penerangan itu nanti memberikan penerangan kepada orang² kampung bahawa makanan yang berzat banyak ia-lah yang berupa keju atau yang berupa mentega, telur dan sa-bagai-nya. Tetapi, Tuan Pengerusi, hendak-lah penerangan² ini diberikan benda² yang dapat di-usahakan atau yang dapat di-beli oleh orang² kampung berpadanan dengan keadaan kehidupan mereka ia-itu dengan memberikan keterangan seperti sayur bayam mithal-nya yang banyak mempunyai zat besi dan memberi perbezaan antara udang kering dengan udang yang baharu di-tangkap dari laut bagaimana membezakan bitamin yang banyak dan bitamin yang sedikit, Tuan Pengerusi. Kalau-lah sa-kira-nya dengan memberikan pandangan² sa-bagaimana yang di-lakukan pada hari ini memberikan pelajaran kepada anak² kita mithal-nya di-dalam pelajaran soal rumah tangga, bitamin ini yang banyak ia-lah di-dalam mentega, di-dalam keju, kueh ini, kueh itu mithal-nya, Tuan Pengerusi, sedangkan ini memang kita akui bitamin-nya banyak tetapi harga-nya sangat tinggi dan tidak dapat di-punya² oleh orang² kampung. Jadi di-dalam soal ini hendak-lah penerangan² itu di-berikan persesuaian dengan kehidupan ra'ayat di-kampung².

Satu lagi, Tuan Pengerusi, kita mempunyai kekurangan doctor² di-dalam negeri ini. Saya ada juga mendengar ia-itu rungutan² dari doctor² ini sehingga ada di-antara mereka yang lebeh suka membuka practice sendiri erti-nya membuka perniagaan sendiri, ada-lah di-sebabkan kerana di-satu² Hospital itu doctor sangat kurang yang sa-patut-nya memakai dua tiga orang doctor hanya sa-orang doctor sahaja dan di-banjiri oleh beratus² bahkan barangkali sampai meningkat ribu patient satu hari. Kerana terlalu banyak patient yang datang itu doctor itu juga terpaksa membahagi²kan waktu-nya. Kalau sa-kira-nya di-banyakkan masa di-buat-nya sa-chara betul² memeriksa sa-orang patient itu hanya dapat di-pereksa barangkali sa-bahagian daripadanya patient² itu terpaksa di-tolak.

Jadi kerana hendak memuaskan hati orang ramai kadang² pemeriksaan itu tidak memuaskan kepada si-sakit kerana ini menyebabkan si-sakit itu mengadakan complaint² pula.

Jadi ini-lah yang menyebabkan kebanyakan Doctor² itu, Tuan Pengerusi, kerja-nya banyak dan dia chuba mengusahakan supaya dapat mengubatkan dan memuaskan hati ra'ayat yang datang dari jauh, tetapi kadang² ada ra'ayat² itu kerana tidak merasa puas hati dan kadang² mendapat ubat tidak berapa baik, kena complain itu semua-nya di-jatuhkan kepada diri Doctor itu. Jadi ini, Tuan Pengerusi, bukanlah kesalahan Doctor itu dan ra'ayat itu, tetapi itu ada-lah di-sebabkan kerana tenaga Doctor itu sangat kurang, jadi ini hendak-lah harus di-fikirkan dengan sunggoh² oleh Kerajaan kita supaya Doctor² banyak di-tambah lagi supaya mendapat pembahagian kesihatan orang² kampung.

Mr Chairman: Ahli² Yang Berhormat, saya mengingatkan ia-itu pada pukul 10.30 saya hendak memberi peluang kepada Menteri untuk menjawab segala hujjah daripada Ahli² yang berchakap tadi. Saya harap pendekkan sahaja.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya chuba merengskakan-nya. Saya juga membawa ka-pengetahuan Kementerian Kesihatan yang berkenaan, saya rasa itu termasuk di-dalam Kementerian Perdagangan juga, tetapi juga perlu di-dalam Kementerian Kesihatan. Di-dalam kotak² ubat yang di-perbuat dalam Tanah Melayu ini, Tuan Pengerusi, saya dapati di-dalam sa-buah kotak Vitamin C yang di-perbuat di-Petaling Jaya. Di-sini hanya dua bahasa sahaja yang di-pakai kerana bagaimana chara-nya memakai ubat ini. Satu dalam bahasa Inggeris dan satu dalam bahasa China, tidak ada bahasa kebangsaan di-pakai oleh Factory itu. Jadi kalau-lah orang Melayu di-kampung² yang membeli kemudian memakan terbanyak boleh membahayakan jiwa kepada orang yang membeli itu. Saya merasa haruslah Kementerian kita ini mengambil tindakan yang tegas kepada perusahaan

ubat itu bahawa menyatakan ia-itu pengeluaran² kerana perusahaan itu tidak mengambil indah sedikit pun pada hal bahasa kebangsaan kita agong²kan untuk memakai-nya, tetapi sengaja di-tinggalkan tidak di-pakai oleh perusahaan itu. Jadi ini di-nyatakan Tuan Pengerusi, perusahaan itu tidak mengambil peduli akan seruan² daripada pehak Kerajaan.

Di-dalam soal Health Inspector, Tuan Pengerusi, di-sini saya juga nampak bahawa jumlah Health Inspector daripada tahun yang lalu di-kurangkan, jadi saya dukachita di-dalam soal ini sa-harus-nya Health Inspector itu di-tambah supaya keadaan pemeriksaan untuk kepentingan kesihatan di-kampong² dapat di-usahkan, tetapi nampak-nya hal ini ada-lah di-kurangkan daripada tahun yang lalu, saya minta juga kepada Kementerian yang berkenaan supaya memberikan penjelasan kenapa Health Inspector telah di-kurangkan daripada tahun yang sudah².

The Minister of Health (Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib): Tuan Pengerusi, dalam perbahathan atas anggaran belanjawan 1963 untuk Kementerian Kesihatan ramai ahli² yang berchakap atas perkara itu. Mengikut analisa yang saya buat ucapan² Ahli² Yang Berhormat itu boleh-lah di-bahagikan kepada tiga pechahan yang besar. Yang pertama ia-lah ucapan² yang memberi tegoran² yang membena, bahagian yang kedua ia-lah kechaman² yang tidak berasas, bahagian yang ketiga ia-lah rayuan bagi faedah satu² tempat atau atas sa-suatu perkara. Dalam masa yang singkat yang di-untokkan bagi saya menjawab pandangan² yang telah di-kemukakan oleh Ahli² Yang Berhormat, maka tidak dapat-lah saya menjawab-nya satu persatu. Tetapi walau bagaimana pun saya akan memberikan keterangan² atas perkara² yang besar yang telah di-nyatakan atau yang telah di-bawa oleh Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan ini.

Kapada Ahli² Yang Berhormat yang mendatangkan tegoran² yang membena, saya ucapkan berbanyak terima kaseh. Saya akan gunakan tegoran² itu sa-bagai panduan bagi saya mengendali-

kan Kementerian itu. Ka-dalam gulo-ngan yang membena itu saya masukkan semua Ahli² Yang Berhormat yang telah mendatangkan shor² supaya di-banyakan lagi bilangan² Hospital Jajahan atau Daerah, dan bagi Hospital² Daerah yang ada di-tambahkan bilangan kaki-tangan-nya, di-baiki lagi perkhidmatan kereta² ubat ka-kampong², di-tambah lagi bilangan Pusat² Kesihatan. 'Am-nya di-perbaiki lagi perkhidmatan perubatan di-dalam semua lapangan. Tuan Pengerusi, makin ramai Ahli² Yang Berhormat berchakap berkenaan dengan Kementerian ini makin mengu-atkan lagi keperchayaan saya bahawa dasar 'am dan keutamaan² yang telah saya bentangkan dalam Dewan ini tat kala saya mengemukakan belanjawan tahun 1963 ada-lah di-susun mengikut landasan² yang betul. Saya telah mengemukakan keutamaan² sa-perti berikut, pertama rancangan melateh pegawai² yang akan di-per-besarkan dan di-perkemaskan lagi.

Kedua, rancangan meluaskan per-khidmatan perubatan ka-kawasan² luar bandar akan di-perbaiki lagi.

Ketiga, memperbanyak dan meluas-kan lagi hospital² di-daerah atau jajahan.

Keempat, membaiki perkhidmatan² out-patient department.

Tuan Pengerusi, keutamaan yang pertama, ia-itu rancangan melateh pegawai² ada-lah menjadi kunchi ka-pada berjaya atau tidak-nya keutamaan² yang lain; maka dengan sebab itu-lah tat kala saya mengemukakan belanjawan bagi Kementerian ini, saya telah me-nyatakan demikian; dan bagi memba-harui ingatan Ahli² Yang Berhormat, saya suka dengan izin Tuan Pengerusi membicarakan apa yang telah saya ucapkan itu. Saya telah berkata ia-itu :

The pressing problem in the way of providing ever increasingly efficient and satisfactory Medical and Health Services, particularly in this period of unprecedented expansion, is the provision of necessary staff, of all categories, adequate both in number and training. A review of the training programme in my Ministry is, therefore, now being carried out and the implementation of a very much more comprehensive staff training programme for 1963 and future years will be undertaken.

Tuan Pengerusi, saya juga telah menyebutkan juga satu rancangan yang penting lagi ia-itu rancangan mencegah penyakit—bukan mengubatinya. Rancangan ini meliputi tiga bahagian yang besar ia-itu kebersihan atau sanitation, ilmu kesihatan atau health education, dan zat² makanan atau nutrition dan ini akan di-laksanakan melalui dari tahun hadapan melalui satu lembaga yang meliputi semua Kementerian² dan badan² yang bersangkutan dengan-nya.

Pandangan² yang di-datangkan oleh Ahli² Yang Berhormat dalam masa perbahathan atas belanjawan bagi Kementerian ini ada-lah berpusu² atas keutamaan dalam rancangan yang saya katakan itu. Dengan yang demikian, saya percaya bahawa saya akan mendapat sokongan yang penoh daripada Dewan ini untuk melaksanakan rancangan² itu.

Tuan Pengerusi, sekarang saya berpaling kepada kechaman² yang di-lem-parkan ka-atas Kementerian ini. Sabagaimana biasa, kechaman² dan tudohan² yang tidak berasas itu datang-nya daripada Socialist Front dan bagi kali ini di-pelupori oleh Ahli Yang Berhormat dari Bungsar yang tidak ada di-tempat-nya, dan di-ikuti pula oleh Ahli Yang Berhormat dari Daman-sara. Hal itu, tidak-lah menghairankan Dewan ini, kerana Ahli Yang Berhormat itu ada-lah sa-bulu dan sa-kandang, duduk dalam Dewan ini sa-mata² untuk membangkang kerana membangkang. Sudah-lah begitu, Tuan Pengerusi, achap kali pula tudohan² yang di-buat-nya itu ada-lah tudohan yang melulu, tudohan yang tidak berasas, tudohan yang tidak berdasarkan kenyataan, bahkan boleh di-katakan tudohan² yang di-buat mengikut lidah-nya yang tidak bertulang.

Ahli Yang Berhormat dari Bungsar telah menggambarkan bahawa tidak ada kemajuan perkhidmatan perubatan dan kesihatan semenjak Perikatan berkuasa, bukan-nya sahaja tidak ada kemajuan bahkan mengikut pandangan-nya, perkhidmatan perubatan dan kesihatan semenjak Perikatan berkuasa telah bertambah mundur. Tuan Pengerusi, angka² yang saya beri tatkala mengemukakan belanjawan ini menun-

jokkan bahawa kita telah berjaya dalam usaha meluas dan membaiki lagi perkhidmatan perubatan dan kesihatan dalam negeri ini. Sa-bagai satu chontoh, dari semenjak tahun 1956 hingga akhir tahun ini, ia-itu pada tahun 1962, sabanyak 38 main centres atau pusat kesihatan besar, 105 sub-centres atau pusat kesihatan kecil dan 427 buah kelinik bidan telah di-dirikan. Kemudahan² yang telah di-buat itu memberikan kesenangan perubatan kepada lebih kurang satu juta penduduk dalam negeri ini. Satu juta ia-lah satu million, kalau dia tidak mengerti bahasa Kebangsaan negeri ini. Penyata Beranak dan Mati boleh menjadi satu bukti yang jelas dan nyata. Kematian kanak² yang baharu lahir telah menjadi kurang daripada 75 pada tiap² 1,000 dalam tahun 1956, kapada 69 pada tiap² 1,000 dalam tahun 1960. Jadi dua keterangan yang saya beri menunjukkan dengan jelas bahawa kemajuan dan kejayaan memang banyak, tetapi saya mengakui bahawa maseh banyak lagi yang hendak kita perbuat. Di-dalam ucapan saya ada saya mengatakan:

“In spite of the progress made, it is to be admitted that a very great deal yet remains to be done”.

Tuan Pengerusi, semua dunia tahu bahawa: “Rome was not built in a day”.

Jadi, tudohan² yang di-buat itu sa-mata² kerana sakit hati kapada Kerajaan Perikatan—itu tidak apa-lah kami sanggup menerima-nya. Tetapi di-dalam membuat tudohan itu Ahli Yang Berhormat dari Socialist Front telah menyakitkan hati dan menghiris perasaan 17,966 orang pegawai² dalam semua peringkat yang berkhidmat di-dalam Kementerian Kesihatan ini yang bertungkus-lumus bekerja siang dan malam untuk membaiki perkhidmatan perubatan dan kesihatan dalam negeri ini. Jadi, tudohan ini telah membuka tembelang Socialist Front, rupa²-nya Socialist Front bukan sahaja satu parti atau satu pertubuhan yang tidak mengenang jasa, tetapi terang² menjatohkan kehormatan pegawai² yang bekerja dalam Kementerian Kesihatan ini yang berjumlah lebih 17,000 orang. Barangkali, kemajuan² yang saya terangkan

itu susah hendak di-nampak oleh Yang Berhormat dari Bungsar. Tetapi apabila dia mengatakan bahawa di-General Hospital Kuala Lumpur juga tidak ada apa kemajuan, melainkan pada tiap² tahun di-sapu kapor; itu ada-lah satu tuduhan yang melampau—kata orang zaman sekarang tuduhan yang keterlaluan.

Tiap² sa-orang yang ada mata dan chelek mata hati-nya dapat menyaksikan sendiri perubahan kemajuan yang telah di-buat di-hospital itu. Kalau mereka tidak nampak perkara² yang lain, sa-kurang²-nya mereka nampak bangunan ward baharu yang tersergam di-situ, dan kalau sa-orang itu berusaha sedikit dia boleh berjumpa dengan satu bangunan lain ia-itu kelinik mata. Kalau mata sa-saorang mula hendak kabor² pandangan-nya, maka boleh-lah dia berubat di-situ. Tetapi malang-nya, Tuan Pengerusi, kita belum-lah lagi dapat mengadakan satu kelinik tempat mengubat sa-orang yang buta mata hati-nya—penyakit yang telah menghinggap Yang Berhormat dari Bungsar itu.

Yang Berhormat dari Bungsar juga telah mengeshorkan supaya di-tubuhkan sa-buah jawatan-kuasa menyiasat sebab² ramai-nya doktor² berhenti dari jawatan Kerajaan. Mengikut kata-nya doktor² itu berhenti kerana tidak puas hati dengan syarat² perkhidmatan yang ada. Tuan Pengerusi, Kerajaan berpendapat jawatan-kuasa seperti yang di-shorkan oleh Yang Berhormat itu tidak mustahak di-adakan. Kerajaan tahu sebab² mereka itu berhenti, dan untuk pengetahuan Dewan ini, saya suka-lah menerangkan-nya di-sini: Sebab bekerja sendiri di-dalam tahun 1960, 22 orang telah berhenti. Dalam tahun 1961, 17 orang. Dalam tahun 1962, 23 orang. Sebab melanjutkan pelajaran: Dalam tahun 1960, 1 orang. Tahun 1961, 5 orang dan 1962, 15 orang. Sebab hendak bekerja di-tempat lain: Tahun 1960, tidak ada. Tahun 1961, 5 orang dan tahun 1962, 2 orang. Sebab tidak puas hati—itu-lah sebab yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat dari Bungsar itu: Dalam tahun 1960, 1 orang. Tahun 1961, 1 orang. Tahun 1962, 1 orang. Jadi jumlah doktor² yang berhenti dengan sebab yang saya

nyatakan tadi sa-ramai: Tahun 1960, 24 orang. Tahun 1961, 28 orang dan tahun 1962, 41 orang hingga hari ini. Sunggoh pun hanya sa-orang sahaja yang berhenti kerana tidak puas hati pada satu² tahun, tetapi Kerajaan adalah sedang berusaha dengan segala daya upaya untuk mengurangkan bilangan doktor² yang berhenti tiap² tahun daripada jawatan Kerajaan supaya bilangan doktor yang berkhidmat dengan Kerajaan dapat bertambah.

Dalam mengemukakan belanjawan ini, di-antara lain², saya telah berkata bagini:

"My Ministry is leaving no stone unturned in order to alleviate the acute shortage now being experienced and I feel confident that an improvement in the position can be expected in the not distant future."

Tuan Pengerusi, barangkali ada satu perkara yang timbul daripada keberhentian doktor² ini. Ia-itu ini ada-lah menjadi satu dalil yang nyata dan jelas bahawa Kerajaan ini sa-benar²-nya mengamalkan demokrasi. Sunggoh pun puak Pembangkang telah bertubi² dan berkali² menyatakan bahawa Kerajaan yang ada hari ini tidak mengamalkan demokrasi, tetapi ini ada-lah satu dalil yang jelas menunjukkan kita mengamalkan demokrasi—entah-lah barangkali apabila Socialist Front memerintah—barang di-jauhkan Allah—yang kebebasan ini akan di-tarek balek daripada penduduk dalam negeri ini.

Tuan Pengerusi, ada satu perkara lagi yang banyak di-sentuh oleh Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini ia-lah soal berkenaan dengan kurang-nya jururawat Melayu dalam perkhidmatan perubatan. Hal itu, malang-nya ada-lah benar. Sebab² terjadi demikian banyak, tetapi puncha-nya ia-lah kurang-nya wanita Melayu yang *meminta* jawatan itu. Sebab kurang-nya bilangan wanita² Melayu yang meminta jawatan ini ia-lah kerana sedikit-nya bilangan wanita² Melayu yang mempunyai kelulusan yang di-kehendaki bagi mengisi jawatan ini. Jadi kurang-nya wanita² Melayu yang mempunyai kelulusan ini berpuncha daripada kelemahan di-sekolah². Dan kelemahan itu-lah yang sedang di-usahakan oleh Kementerian Pelajaran untuk di-baiki.

Dalam pada itu saya suka memberi jaminan kepada Dewan ini yang saya akan mengkaji sendiri perkara ini supaya dapat di-baiki. Tetapi saya juga berasa mustahak menarek perhatian Dewan ini bahawa tiap² sa-orang Jururawat tidak kira bangsa ada-lah di-lateh untuk berkhidmat kepada orang sakit dengan tidak mengira bangsa. Dan dengan sebab itu pada perasaan saya ada-lah salah jika kita menarek kesimpulan ia-itu apabila kurang-nya bilangan Jururawat² Melayu di-Hospital² maka kurang-lah pula layanan yang di-berikan kepada orang sakit daripada bangsa Melayu. Saya katakan bahawa tiap² sa-orang Jururawat itu baik daripada apa juga bangsa-nya ada-lah di-lateh untuk berkhidmat kepada semua orang² sakit.

Tuan Pengerusi, oleh kerana ada lagi masa-nya jadi saya suka-lah memberi jawapan dan pandangan kepada sa-tengah² perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat Dewan ini berkenaan dengan rayuan untuk faedah satu² tempat dan satu² perkara itu. Perkara yang pertama, saya suka-lah hendak menjawab perkara yang di-bawa oleh Yang Berhormat dari Besut berkenaan dengan pengi'tirapan Homoeopathy. Saya suka-lah hendak menjelaskan kepada Yang Berhormat itu bahawa perkara yang di-bawa itu akan saya rundingkan dengan penasehat² dalam Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Lipis barangkali ada membawa satu perkara berkenaan dengan hal Jururawat² yang berkahwin dan tidak-lah lagi mendapat peluang naik pangkat. Saya suka-lah hendak menjelaskan kepada Yang Berhormat itu sa-bagaimana pegawai² perempuan yang lain jika sa-orang itu maseh belum lagi di-masokkan dalam pensionable establishment dan berkahwin, maka dia hanya-lah di-terima berkhidmat sa-bagai pegawai² sementara. Tetapi itu bukan-lah berma'ana menyekat peluang dia mendapat pangkat yang lebih tinggi di-dalam perkhidmatan pegawai² sementara itu.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah membawa beberapa perkara, perkara yang pertama ia-lah berkenaan dengan peruntokan Public Health

Services. Saya suka-lah hendak menjelaskan bahawa Public Health Services dan Public Health Education ini akan mendapat keutamaan dan kalau sa-kira-nya di-dapati bahawa peruntokan yang ada di-dalam Anggaran Belanjawan tidak menchukupi maka boleh-lah di-minta wang tambahan untuk meluaskan lagi.

Satu perkara lagi yang saya rasa patut saya jelaskan ia-lah berkenaan dengan tuduhan yang di-buat oleh wakil dari Bungsar juga berkenaan dengan makanan di-General Hospital Melaka. Saya suka-lah hendak menjelaskan bahawa di-tiap² Hospital ini ada satu Lembaga Pelawat² dan Lembaga Pelawat² ini-lah yang di-beri tugas untuk memerhatikan perkara² ini. Saya yakin dan perchaya jika benar-lah apa yang di-tohmah—di-tudoh oleh Ahli Yang Berhormat itu, sudah tentu-lah bahawa Lembaga Pelawat² ini akan mengambil tindakan dan memberi kenyataan kepada pegawai yang bertanggung-jawab. Tetapi sa-hingga ini tidak ada apa² penyata atau tegoran daripada Lembaga ini dan saya rasa bahawa tuduhan itu ada-lah tidak berasas sama sa-kali.

Berkenaan dengan tender membeli alat² kepada Hospital di-Melaka saya suka-lah hendak menjelaskan bahawa dalam tiap² negeri ada Tenders Board dan keputusan Tenders Board ini yang di-jalankan oleh pegawai² itu.

The Honourable Member for Damansara raised the question of estate hospitals. Well, I wish to thank the Honourable Member for what he has said. I note that in spite of what he says, he has perfect confidence in the Government medical service, otherwise he would not have recommended that my Ministry should take over and administer the estate group hospitals. (*Applause*). His allegations of the extremely unsatisfactory conditions of the medical and health services must, therefore, be regarded as something which he himself does not believe in, and uttered in this House more in the nature of an obligation on the part of a Member of the Opposition. I also thank him for his recommendation that Government should consider

enlisting the services of private doctors in our present shortage. I have noted this, and I trust that the Honourable Member will give me full support in the measures which I will soon be taking in the alleviation of our existing shortage.

Enche' K. Karam Singh (Daman-sara): On a point of clarification, Sir, if the Minister will give way.

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: Yes.

Enche' K. Karam Singh: The Honourable Minister has not yet replied on the question of having female nurses on estates. I will be much obliged if he will state Government's stand on this question, and whether provision will be made for female nurses to attend to female patients on estates.

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: I was wondering why the Member is so impatient when it comes to females. (*Laughter*) However, I can assure him that I will look into this question.

Tuan Pengerusi, sa-bagaimana saya telah katakan tadi, saya tidak-lah berhajat hendak menjawab satu persatu perkara² yang di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat kerana sa-bagaimana yang saya katakan tadi sa-tengah² daripada perkara² yang di-bawa oleh Ahli² Yang Berhormat ada-lah pandangan² yang membena yang saya akan gunakan untuk mengendalikan Kementarian yang baharu ini (*Tepok*).

Question put, and agreed to.

The sum of \$96,793,044 for Head S. 25 ordered to stand part of the Schedule.

Heads S. 26-S. 28—

The Assistant Minister for Information and Broadcasting (Enche' Mohamed Ismail bin Mohamed Yusof): Mr Chairman, Sir, it is my pleasure to introduce the estimates of the Ministry of Information and Broadcasting for the year 1963.

Mr Speaker, Sir, with your permission I would like to take the three Heads: Heads 26, 27 and 28 together.

I would welcome Members to raise any points on which they are not very clear about.

HEAD 26—MINISTRY OF INFORMATION AND BROADCASTING

I am very happy to be able to report that the activities of the Departments within this Ministry have increased considerably whilst the increase in expenditure is very negligible. The total provision for the Ministry for 1963 will be \$14,901,965 as against \$13,363,456 for the current year. Of this, \$105,613 is for the Secretariat of the Ministry. This latter sum, as will be noticed, is less than the amount provided for in the previous year's estimates. The decrease is due to the fact that provisions for Personal Emoluments have now been related to the holders of the posts. (Last year the calculation was based on slightly higher scales, on the assumption that the Assistant Secretary would be a senior M.C.S. officer and that certain members of the clerical staff would be those on the top of their scales).

HEAD 27—BROADCASTING

The increase of \$570,286 under Head 27 in respect of Personal Emoluments is due primarily to normal increase in staff salaries and the creation of a few subordinate posts needed to man our new regional stations.

There is also an increase of \$556,210 under O.C.A.R. This is to cover increased maintenance costs of broadcasting equipment, vehicles, etc., some of which are quite old. "Pirate" listening—which spells loss of revenue—is still in existence and the increase is also for the purpose of intensifying our licensing campaigns. Last year, I mentioned the introduction of Commercial Broadcasting which, after nine months of operation, has brought in a gross revenue of over \$2 million. Talking of revenue, I might mention that the revenue from the sale of radio licences as at 30th September this year totalled well over \$3 million—an increase of nearly half-a-million dollars over the corresponding period last year. Finally under O.C.S.E., the increase of \$65,661

includes the high cost of Listenership Survey, which is necessary for programme planning and Commercial Service promotion purposes. From the thousands of letters received, including from neighbouring countries, it will be seen that the number of Radio Malaya listeners has increased considerably.

HEAD 28—INFORMATION

The total provision requested under this Head for Information Services next year is \$6,973,226. This shows an increase of \$362,280 over the 1962 estimates and the increase is accounted for as follows:

(a) Personal Emoluments	\$144,630
(b) O.C.A.R.	139,000
(c) Special Expenditure	78,650
	\$362,280

The increase in Personal Emoluments amounting to \$144,630 is approximately 40 per cent of the Department's total increase and is due primarily to increments in staff salaries and the creation of a few subordinate posts.

Under O.C.A.R., the printed estimates show an increase of \$449,000, but the transfer of three items of special expenditure account for \$310,000; and, as such, the real increase in O.C.A.R. is \$139,000. This is caused by the increase in provision for the purchase of raw film stock for the Malayan Film Unit and for the production of additional publicity material to service our missions overseas.

The Malayan Film Unit started in 1946 has done sterling work judging from the films they produce. Their films have been widely used within the country and since then they have won international recognition for the esthetic qualities of the films they make, thus they have helped to put Malaya on the map. Today Malayan Film Unit films are distributed in no less than 25 countries of the world and a good number of their instruction films are used for teaching purposes in other countries as well.

Although the Special Expenditure provision shows a decrease of \$231,350 due to the transfer of three items to

O.C.A.R., in actual fact there is an increase of \$78,650. This is due to the need to replace old and unreliable vehicles, office equipment, photographic equipment and the Trengganu Boat Unit.

In conclusion, I would like to stress that revenue earning is not the Ministry's most important consideration. All media of mass communications within this Ministry will be utilised to educate and inform the people and at the same time to explain Government policy and measures to raise the standard of living of the population. With this, of course, comes the entertainment aspect which receives special attention by those responsible for planning and production of publications, film and broadcasting materials. The listening audience has increased considerably as evidenced from thousands of letters received from listeners in the neighbouring countries not mentioning those from within the Federation.

Finally I would like to take this opportunity to inform the House that the Government has decided to create a new Department of Television. No provision is being asked for now, as the matter is being taken up with the Treasury and the Federation Establishment Office.

Sir, I beg to move that Heads 26, 27 and 28 be approved. (*Applause*).

Enche' K. Karam Singh: Mr Chairman, Sir, the Honourable Assistant Minister, in introducing these estimates, said that he was happy to do so. However, there is a vast number of people inside and outside this House—not only members of the Opposition Parties but also members of the Alliance Party—who are not at all happy with the way this Ministry of Broadcasting has been behaving lately. Sir, if we liken Malaya to a man, or if Malaya is compared to a man, then the Radio Malaya is his voice; and we can judge the man from the way he speaks and from what he speaks. There has been a grave deterioration in the moral standards of Radio Malaya and, in fact, of late Radio Malaya has

become very abusive and most unbecoming of a man, if he is a gentleman.

Mr Chairman, Sir, there has been no objective reporting of the Brunei revolution, and what we find is only abuse and prejudiced news being broadcast over Radio Malaya. We hear of the revolutionaries being termed as traitors or *penderhaka*² or *pengkhianat*². I ask the Government: "Is this objective reporting?"

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar (Johor Tenggara): Tuan Pengerusi, boleh saya memberi penjelasan sedikit?

Mr Chairman: (*To Enche' Karam Singh*) On a point of information, will you give way?

Enche' K. Karam Singh: I give way, Sir.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Term "penderhaka" bukan rekaan Radio Malaya, tetapi ada-lah digunakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei sendiri.

Enche' K. Karam Singh: Mr Chairman, Sir, we should expect Radio Malaya to have its own thinking apparatus and not just to be anyone's parrot. Sir, as I have said, instead of saying how the two parties in this struggle have fared, how the revolutionaries and how the oppressing Brunei powers have fared, you start abusing and slandering one side. That automatically implies that the Brunei oppressors are angels. Is this the way that you want an independent nation to speak about a freedom struggle that is going on in her neighbour territory?

Mr Chairman, the behaviour of Radio Malaya

Enche' Mohamed Ismail: Mr Chairman, on a point of clarification, may I ask the Honourable Member to which item of the Estimates is he referring?

Enche' K. Karam Singh: Sir, I do not think I have to reply to that remark.

Mr Chairman: Proceed.

Enche' K. Karam Singh: Sir, in fact, in the last few days Radio Malaya

has been forgetting that it is the voice of an independent country and has been behaving as it did during the British days. It has gone back half a decade in the history of Malaya to the colonial period; and we find some of the old and forgotten British propaganda that has been lying dormant in its memory, all of a sudden coming out on the occasion of this Brunei freedom struggle. Sir, this has brought disrepute to our country, because Radio Malaya has with regard to the Brunei revolt ceased to be Radio Malaya and has become the voice of Brunei imperialism, the voice of the Shell capitalists, who want to rob the Brunei people of their oil. There has not been the slightest self-respect or dignity in what Radio Malaya has been saying about the revolt in Brunei. Sir, this attitude would not only spoil our relations with the Brunei people and the people of North Borneo but also with our other neighbours, because if you call the people of Brunei traitors and other insulting names, then those people, who are sympathetic to the Brunei revolt and who are not in Malaya, are also being insulted indirectly. So, Mr Chairman, Sir, I would urge the Minister concerned to reconsider the policy of Radio Malaya and to see that it follows a policy in full keeping with Malaya's independence and freedom.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan Programme Assistant di-dalam Item (24). Ada satu perkara yang berlaku dalam Pentadbiran Radio Malaya yang patut saya minta perhatian daripada Menteri yang berkenaan ia-itu chara² layanan terhadap pekerja². Ada kejadian ia-itu sa-orang daripada juruhebah Radio Malaya ini yang telah dipinjamkan untuk berkhidmat di-dalam Jabatan Siaran Radio Brunei sa-chara konterek sa-lama tiga tahun. Akan tetapi, apakala tamat tempoh konterek sa-lama tiga tahun itu, dia telah berjaya menyambong konterek-nya sa-lama tiga tahun lagi, tetapi sa-belum konterek peringkat yang kedua itu di-mulakan, dia telah tidak di-kehendaki lagi berkhidmat di-Jabatan Siaran Radio Brunei, maka pulang-lah dia ka-Tanah

Melayu ini, dan dia berharap dapat berkhidmat sa-mula dengan Radio Malaya. Tetapi apa yang berlaku, ia tidak di-terima berkhidmat di-dalam bahagian Radio Malaya dengan alasan, umur-nya telah lebeh daripada 35 tahun, dan banyak lagi alasan² yang lain. Tuan Pengerusi, saya rasa pehak Radio Malaya telah melakukan suatu kaedah yang agak ganjil, sebab dia telah di-pinjamkan untuk berkhidmat di-Radio Brunei. Dia telah berkhidmat dalam Radio Malaya sa-lama enam tahun. Pada bulan August, 1958 dia telah di-pinjamkan oleh pehak Radio Malaya berkhidmat di-Radio Brunei. Sa-patut-nya orang yang telah di-pinjamkan berkhidmat di-luar negeri itu apakala habis tempoh-nya sama ada sa-chara konterek dan lain², dia tidak-lah boleh di-sifatkan sa-bagai orang baharu yang hendak berkhidmat di-Persekutuan Tanah Melayu apakala dia kembali ka-Tanah Melayu. Dia hendak-lah di-pandang sa-bagai orang lama, sebab dia chuma di-pinjamkan berkhidmat di-luar negeri.

Jadi, hal yang saperti ini, saya rasa Kementerian boleh-lah mengambil tindakan. Saya ada kenyataan dan keterangan yang chukup dengan nama orang-nya dan kesah² kejadian dan lain². Tidak-lah perlu saya membacha kesah yang panjang ini, akan tetapi chukup-lah saya menyatakan bahawa dia tidak patut mengalami keadaan yang sa-demikian rupa. Mengikut dalam surat-nya dia telah dapat jumpa dengan pegawai² di-Radio Malaya, dan pegawai itu telah menyatakan bahawa kalau ia hendak bekerja sa-mula dengan Radio Malaya hendak-lah di-sifatkan dia sa-bagai orang baharu, dan sa-bagai orang baharu dia mesti-lah chukup sharat² saperti umur dan kelayakan (qualification). Jadi hal ini tentu-lah beliau itu tidak dapat memenohi sharat tentang umur-nya, sebab dia tidak berjaya menyekat perjalanan umur-nya sa-lama berkhidmat di-saberang laut itu.

Tuan Pengerusi, nampak-nya telah menjadi kelaziman bagi Radio Malaya apakala menghantarkan orang-nya berkhidmat di-saberang laut, sama ada sa-chara konterek atau sa-bagai-nya, apakala orang itu pulang ka-tanah ayer

di-beri peluang menyambungkan kerjanya yang lama, kechuali orang yang saya sebutkan tadi. Saya suka menyatakan bahawa sa-orang perempuan nama-nya Miss Tan ia-itu juruhebah Bahagian China telah berkhidmat di-Radio Australia sa-lama tiga tahun, dan apakala pulang ka-Tanah Melayu dia di-terima berkhidmat sa-mula dalam Radio Malaya. Dan ada sa-orang lagi nama-nya Enche' Abdul bin Muhammad juruhebah Bahagian Melayu telah berhenti daripada Radio Malaya sebab bekerja dalam B.B.C. London. Sekarang ini tempoh perkhidmatan-nya telah tamat dan dia dalam perjalanan pulang ka-negeri ini, dan besar kemungkinan dia di-terima kembali oleh pehak Radio Malaya. Ada tiga orang juruhebah lagi yang telah berhenti daripada Radio Malaya yang tidak pergi berkhidmat ka-saberang laut, tetapi di-terima kembali berkhidmat. Sa-orang nama-nya Enche' Ahmad Omar, juruhebah Bahagian Melayu telah berhenti sebab memegang jawatan askar. Dan yang dua orang lagi yang telah berhenti itu dengan tidak tahu apa sebab-nya, sekarang bekerja sa-mula, sa-orang nama-nya Noraini Rafie dan sa-orang lagi Norazah Aziz. Mereka ini telah berhenti daripada Radio Malaya, sama ada berkhidmat di-luar negeri atau dalam negeri, apakala tamat tempoh-nya, mereka meminta sa-mula bekerja di-Radio Malaya, mereka telah di-terima berkhidmat, akan tetapi malang-nya orang yang saya sebutkan yang telah berkhidmat di-Radio Brunei sa-lama tiga tahun itu tidak mendapat layanan yang sa-wajar daripada pehak Radio Malaya. Dia telah di-sifatkan sa-bagai orang baharu, umur-nya telah lebeh, qualification-nya tidak chukup, dan dia tidak dapat di-terima. Pada hal dalam masa sembilan tahun yang lalu dia telah pernah di-terima berkhidmat dalam Radio Malaya, dia telah di-sifatkan sa-bagai pegawai yang terbaik, dan oleh kerana di-pandang sa-bagai pegawai yang terbaik itu-lah maka dia telah berjaya dapat berkhidmat dengan Kerajaan Brunei dalam Bahagian Siaran Radio. Saya tahu, Tuan Pengerusi, sebab² dia tidak berjaya. Sunggoh pun dia berjaya menanda-tangani konterek peringkat yang kedua sa-lama

tiga tahun lagi, tetapi tidak berjaya meneruskan konterek itu di-sebabkan hal diri-nya sendiri, barangkali kerana ada beberapa hal berhubung dengan rayuan-nya kepada pehak Kerajaan Brunei, yang tidak ada sangkut-paut saya bachakan dalam Dewan ini. Pegawai ini telah membuat rayuan kepada Yang Teramat Mulia Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu bertarikh pada 24hb Disember, 1961, akan tetapi sampai pada masa ini apa yang saya tahu pegawai ini belum menerima sa-barang surat daripada pehak Perdana Menteri. Itu-lah sebab-nya saya mengemukakan perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri Muda supaya menimbangkan sa-mula hal ini, atau pun Yang Berhormat Menteri menyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa perkhidmatan pegawai yang saya sebutkan itu tidak di-kehendaki oleh sebab hal yang lain. Kalau sa-kiranya alasan umur-nya lebeh, maka saperti yang saya katakan tidak ada siapa yang berupaya menahan perjalanan umur-nya, kechuali kalau pegawai ini dapat menahan umur-nya 10 tahun, dia menjadi muda saperti 10 tahun dahulu.

Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan Tape-recording Machines di-dalam Sub-head 41. Peruntokan bagi tahun 1963 sa-banyak \$18,000 dan pada tahun yang lalu sa-banyak \$12,000. Saya suka mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri ia-itu adakah Tape-recording Machines ini terpaksa di-beli pada tiap² tahun dengan peruntokan yang berbelas ribu ringgit saperti ini dan ada-kah jentera ini di-beli hanya dapat berkhidmat untuk Radio Malaya sa-lama sa-tahun sahaja sebab terpaksa di-tambah tiap² tahun kerana perkhidmatan itu bertambah dari tahun ka-tahun? Perkara ini perlu di-beri jawapan, sebab penambahan yang \$6,000 daripada tahun yang lalu itu ada-lah penambahan yang besar di-sebabkan Tape-recording Machines ini tiap² tahun terpaksa di-beli.

Satu perkara lagi dalam muka surat 173 peruntokan \$600,000—Publicity Campaigns and Publications. \$600,000 berbanding dengan tahun sudah \$375,000 erti-nya bertambah bagitu

banyak, boleh-kah pehak Menteri Yang Berhormat ini menyatakan bahawa penambahan itu berdasarkan kepada perbelanjaan tahun ini juga. sebab dalam tahun 1962 dalam berbagai² kepala sub-head saya dapat mengumpulkan perbelanjaan yang sarpada maksud-nya ia-itu-lah bahagian Publication and Publicity Campaigns sa-banyak \$375,000 dan champorkan dengan Sub-head 28 sa-banyak \$100,000—Publicity in support of Operators dan Publicity in Rural Areas \$150,000 erti-nya perbelanjaan sa-jumlah \$625,000 berbanding pada tahun ini sa-banyak \$675,000 apabila di-champor dengan Sub-head 28—\$75,000 yang demikian dalam tahun yang akan datang tahun 1963 perbelanjaan kerana itu berlebehan \$50,000. Saya suka mendapat penjelasan daripada Menteri Yang Berhormat apakah keperluan² atau keadaan yang luar biasa atau pun perkhidmatan² baharu yang mesti di-tambah menyebabkan peruntokan bertambah lebeh \$50,000 daripada jumlah semua dalam tahun 1962 dengan tahun 1963. Jadi hal ini perlu di-jelaskan supaya dapat-lah kita penerangan yang chukuk dalam perkara ini.

Satu perkara lagi ia-itu perkara External Publicity peruntokan-nya sa-banyak \$27,796. Saya suka mendapat penjelasan daripada pehak Menteri, penggunaan wang kerana Publication bahagian luar ini, penggunaan wang ini di-arahkan dengan chara² yang bagaimana? Saya teringat berita dalam surat khabar telah berlaku kejadian di-London baharu² ini di-mana satu pamiran gambar daripada Tanah Melayu telah di-tunjukkan gambar bagaimana gambar orang² Melayu sedangkan orang² itu orang² yang tidak berbaju orang² hutan—orang Asli, dalam negeri ini. Ini telah menyebabkan keributan yang besar sa-hingga Pesurohjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu di-United Kingdom ia-itu Yang Teramat Mulia Tunku Ya'cob telah menjadikan satu perkara yang besar sa-hingga beliau menyatakan dalam surat khabar bahawa kejadian itu ada-lah sangat² memalukan Persekutuan Tanah Melayu. Ada-kah hal yang terjadi di-London itu tidak ada dalam

pengetahuan pehak Pejabat Penerangan ini. Dan kalau sa-kira-nya tidak ada dalam pengetahuan Pejabat Penerangan sedangkan kalau benar-lah wang itu di-ambil daripada peruntukan ini maka apa-kah tindakan akan di-lakukan oleh pehak Menteri Yang Berhormat supaya kejadian saperti itu tidak lagi berlaku pada masa yang akan datang.

Muka surat 173 Sub-head 3 Civics Education atau pun Pelajaran Tata Ra'ayat. Hal ini saya minta-lah kepada Menteri yang berkenaan ini supaya di-dalam melaksanakan kursus ini berjalan dengan sa-berapa daya upaya dapat-lah di-kurangkan, jika tidak dapat di-buang semua sa-kali pengaruh² atau propaganda politik di-dalam-nya. Sebab, apa yang saya dapat tahu pernah berlaku kejadian; walau pun tidak seluruh-nya; kejadian di-dalam kursus Tata Ra'ayat saperti ini, pernah berlaku propaganda² politik yang di-lakukan dengan chara halus oleh pehak parti pemerintah memasoki propaganda parti di-dalam Civics Course dalam negeri ini. Jadi ini tentu-lah tidak menyenangkan, dan akan melemahkan perjalanan demokrasi dalam negeri ini, dan wang yang di-untukkan bagi pelajaran dalam negeri ini bukan-lah wang kepunyaan satu parti tetapi wang ra'ayat dan harus di-gunakan benar² bagi kepentingan ra'ayat bukan faedah untuk kepentingan satu parti sahaja.

Saya suka menarek perhatian Menteri Yang Berhormat ia-lah soal siaran Radio. Tahu-lah kita dalam Item mana atau Sub-head mana sa-kali pun tetapi apa yang saya maksudkan ini ia-lah masaalah siaran Radio—siaran sa-lari dalam Parlimen. Sekarang ini siaran hal² yang berlaku dalam Parlimen yang di-siarkan hanya sa-lama 15 minit pada tiap² malam dari jam 8.15 hingga 8.30. Tempoh 15 minit ini terlalu-lah pendek dan tidak-lah dapat pegawai² yang bertugas itu melaporkan dengan sa-penoh-nya kejadian² yang lebeh besar, sedang hampir² tiga suku dari masa 15 minit ini terpaksa di-gunakan untuk siaran² daripada pehak pemerintah terutama sa-kali pehak Menteri. Jadi, menyebab-kan segala fikiran yang di-keluarkan oleh Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini tidak dapat di-siarkan

dengan sa-penoh-nya oleh Pemberita² Radio untuk di-siarkan kapada orang ramai.

Saya suka menarek perhatian Menteri supaya di-masa yang akan datang dapat di-fikirkan untuk mengadakan siaran terus atau pun siaran sa-lari daripada Dewan ini ya'ani Radio Malaya menyiarkan kejadian² yang sa-benar-nya berlaku di-dalam Dewan yang mulia ini yang hanya menghendaki sa-saorang pegawai Radio yang memberi laporan tentang siapa² berchakap itu. Jadi dengan yang demikian ra'ayat akan dapat mendengar sa-jauh mana wakil²-nya menyuarakan pandangan ra'ayat dalam rumah yang mulia ini dan sa-jauh mana fikiran² yang di-keluarkan oleh tiap² ahli di-dalam rumah yang mulia ini dapat-lah orang ramai itu mengetahui. Ada di-antara Wakil² Ra'ayat yang datang diam membisu atau pun ada di-antara Wakil² Ra'ayat yang berchakap hanya ikut keluar sahaja bukan berchakap ikut kepala hanya berchakap ikut perut-nya sahaja. Ada Wakil² Ra'ayat yang berchakap itu tidak menggunakan apa yang di-bahathkan atau pun ada Wakil² Ra'ayat yang berchakap mengatakan orang sahaja. Jadi dapat-lah ra'ayat itu mengetahui Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah apa yang dia chakap sebab dia tidak pernah pergi di-kawasan-nya dan

Mr Chairman: Jangan beri mithalan

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Ini sa-bagai mithalan sahaja. Atau pun Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara apa yang dia berlakun dalam Dewan ini supaya tahu semua ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu dan sa-jauh mana fikiran dan mentality tiap² Ahli² dalam Dewan ini dalam memikirkan dan membahathkan di-atas sa-suatu perkara yang di-bentangkan dalam rumah ini. Kalau itu-lah dapat di-lakukan oleh pehak Menteri yang berkenaan ini maka akan bertambah segar-lah dan akan bertambah sehat demokrasi dalam negeri ini dan barangkali ra'ayat akan lebeh mudah mengetahui lebeh chepat—lebeh matang dalam soal politik dalam negeri ini. Dengan yang demikian

perbelanjaan Civics Course atau pun kursus ini dapat di-kurangkan chukup dengan jalan mengikuti persidangan ra'ayat mengikuti perkembangan fikiran²-nya dapat mengikuti perjalanan politik negeri ini dari satu masa ka-satu masa melalui siaran sa-lari dari Dewan yang mulia ini.

Pada akhir-nya, Tuan Pengerusi; ia-lah perkara Radio Orchestra ini. Kita dapati peruntokan yang besar ada di-dalam kedudukan wang ini dan patut kita menguchapkan terima kaseh kapada Kementerian ini kerana ada-nya Orchestra-nya sendiri. Tetapi satu perkara yang saya suka bertanya, adakah pegawai² yang mentadbir Radio Orchestra ini di-tetapkan seperti orang² itu bekerja panjang atau pun di-pakai contract. Kalau contract sa-lama mana contract itu di-pakai dan kalau tamat contract itu tidak-kah terfikir dalam fikiran Menteri Yang Berhormat ini untuk menchari ganti orang lain. Berapa banyak lagi ahli² music kita yang terkenal, berapa banyak lagi composer yang terkenal dari kalangan orang Melayu yang dapat menghidupkan seni kebudayaan Melayu yang dapat membawa irama lagu² dengan kehendak jiwa bangsa Melayu, tidak-lah di-maksudkan dengan fikiran ini bahawa sekarang ini tidak membawa irama itu. Berapa banyak di-antara ahli² music daripada kalangan orang² Melayu yang termashhor dan terkenal. Seperti kita tahu di-Kelantan ada sa-orang ahli music yang terkenal nama-nya Enche' Abdullah Bukhari yang sekarang ini sedang memimpin Orchestra Melayu yang terbesar sa-kali di-seluruh Persekutuan Tanah Melayu dengan pemain² music-nya hampir² 60 orang, yang main biola sahaja sampai 40 orang ramai-nya. Sa-hingga saya nampak tahun ini pihak Radio Malaya tidak pernah palingkan mata-nya melihat perkembangan baharu dalam hal ini. Saya dengar ranchangan² pantai timor maka music dari pantai timor ini tidak ada yang saya dengar keluaran daripada pasokan Orchestra ini. Hal ini patut di-chuba dahulu dari sekarang ini bagaimana chara usaha latehan dia dan chiptaan dia sendiri. Saya tahu lagu² klasik yang moden atau klasik lama di-karang-nya sendiri

atau pun di-ambil daripada pengarang klasik lama itu dapat dia hidupkan melalui Orchestra-nya. Kalau Radio Malaya dapat mengambil-nya barangkali dapat-lah kalangan bangsa Melayu kita sendiri di-tengah masharakat dunia yang serba moden ini.

Ini sementara pada masa akan datang chuba-lah di-fikirkan dengan chara yang sa-suai dasar memimpin Radio Malaya Orchestra. Pada akhir-nya ia-lah masalah muka 163 Sub-head 1 Item 2 Penolong Menteri Muda dalam bahagian broadcasting. Tidak ada orang yang tidak berasa bahawa telah bertahun² jawatan ini telah kosong. Semenjak Menteri Muda ini berhenti kerana kalau-lah Yang Berhormat Perdana Menteri dapat mendengar rayuan yang saya rayukan ini kapada Yang Berhormat Perdana Menteri supaya dapat memikirkan samula untuk memenohi kekosongan jawatan Menteri Muda Penerangan itu (*di-sampok*), kalau sudah ada baik-lah mudahan² Ahli Yang Berhormat itu dapat di-berikan lain jawatan.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman (Seberang Tengah): Tuan Pengerusi, berchapak berkenaan dengan Sub-head 10 Publication, saya menguchapkan terima kaseh kapada Kementerian ini kerana menguntokkan wang sa-banyak 600,000 ringgit bagi tahun 1963, walau pun saya berharap kapada Jabatan ini supaya membanyakkan lagi pekerjaan di-kampung² untuk di-beri peluang dan memperhebatkan lagi kerja²-nya. Kerana pada hari ini hanya di-buat pertunjukan wayang gambar, tetapi saya berharap di-dalam masa menunjokkan wayang gambar itu hendaklah pegawai² itu menerangkan kapada ra'ayat kerana pada masa itu kita dapati banyak penduduk² kampung itu keluar beramai². Saya berkehendakkan apa yang Kerajaan buat, dan juga sa-umpama-nya mesti di-terangkan kerana saya perchaya Pejabat Penerangan, bukan alat propaganda. Jabatan ini hanya bertujuan untuk menerangkan kapada ra'ayat apa yang Kerajaan buat. Kita tidak ada propaganda di-situ, kita mesti menerangkan pendirian Socialist yang menyokong Party Komunis di-Indonesia, dan sa-bagai-nya. Tuan

Pengerusi, ini, bukan-nya da'ayah tetapi ada-lah penerangan² kepada mereka, sungguh pun mereka dapat membaca surat khabar, tetapi kebanyakan penduduk di-dalam kampung tidak membaca surat khabar. Jadi dengan ada-nya pertunjukan wayang gambar orang² itu keluar beramai². Sa-kira-nya ada penerangan² dapat-lah ra'ayat memahami pada masa yang akan datang—umpama-nya berkenaan dengan ranchangan Pembangunan Luar Bandar dan lain², kerana Tuan Pengerusi, kita tahu benar² ia-itu lagi banyak wayang gambar di-pertunjokkan lebih baik lagi supaya ra'ayat itu tahu apa yang Kerajaan buat. Saya telah menguchapkan dahulu ia-itu Pejabat Penerangan ini di-mithalkan sa-umpama telur ayam dan telur itek, telur itek itu besar, tetapi telur ayam itu kecil. Kalau di-bandingkan harga-nya telur ayam itu lebih mahal daripada telur itek, walau pun ia kecil, ini ada-lah disebabkan waktu ayam² itu bertelur ia berketok², jadi walau pun kecil telur-nya harga-nya mahal (*Ketawa*). Mengikut analisa Doctor di-dapati telur itu mempunyai zat yang tiada berbeza . . .

Mr Chairman: Apa kena-mengena dengan perbahathan ini.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, Sub-head 10 membanyakkan lagi kaki-tangan supaya bekerja di-kampung² dalam ranchangan Luar Bandar. Berkenaan dengan Radio Malaya sungguh pun Yang Berhormat itu menhadangkan supaya ada siaran sa-lari daripada Dewan ini, tetapi saya berasa dukacita oleh sebab Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah menuduh Radio Malaya itu tidak ada fikiran-nya sendiri. Saya percaya yang perkhidmatan di-dalam Radio Malaya itu memang ada otak-nya sendiri, dan apa² penerangan yang di-buat-nya ada-lah perkara² yang benar.

Enche' Aziz bin Ishak (Muar Dalam): Tuan Pengerusi, sedikit sahaja saya hendak kemukakan dalam Dewan ini berkenaan dengan kepala 27 ia-itu berkenaan dengan Broadcasting, pertama sa-kali berkenaan dengan siaran²

dan pancharan² yang kita tahu ia-itu di-Johor sana kita dapati siaran Inggeris tidak kurang tetapi siaran Melayu kurang jelas, tidak berapa terang. Saya minta, lain daripada Kuala Lumpur, tetapi di-sini ada berbeza. Saya minta Kementerian yang berkenaan supaya dapat mengambil perhatian di-atas perkara ini. Berkenaan dengan ranchangan siaran Melayu pada tiap² hari. Kita patut-lah memuji atas siaran itu kerana lama-kelamaan siaran² itu di-dapati baik, tetapi apa yang saya suka mengemukakan kepada pehak yang berkenaan ia-itu kita ada mendengar berkenaan dengan kursus membaca Quran. Kita ada mendengar tiap² malam ranchangan membaca Quran. Saya minta di-adakan sa-rentak dengan tafsir-nya sa-kali kerana tafsiran ini sangat mustahak, jadi tidak-lah kita mendengar bacaan sahaja.

Berkenaan dengan hiburan dan lawak-jenaka di-dapati hanya sedikit sahaja lawak itu dapat memberi pengajaran kepada kita. Jadi, saya minta-lah memasukkan pengajaran² yang membena dan juga sedikit² keritik yang tidak memalukan kerana dahulu ada di-dapati siaran lawak-jenaka itu mengkeritik kepada Kerajaan yang di-buat oleh ahli² lawak-jenaka kita. Tetapi sa-karang kita tidak dengar lagi ahli² lawak itu mengemukakan keritik²-nya, jadi saya minta-lah kalau hendak mengkeritik biar-lah keritik² yang membena.

Satu perkara yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh tadi berkenaan dengan siaran sa-lari daripada Dewan Ra'ayat ini. Kalau saya sendiri, saya tidak-lah berapa setuju supaya kita adakan siaran sa-lari daripada Dewan Ra'ayat ini supaya di-dengar oleh ra'ayat dalam negeri ini, tetapi saya hanya bersetuju supaya siaran berkenaan dengan ulasan persidangan Dewan Ra'ayat ini hendaklah di-tambah lagi masa-nya, kalau sekarang di-siarkan 15 minit, maka kalau dapat di-adakan sampai 20 minit, atau pun sa-tengah jam, dan sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat itu supaya ra'ayat dapat dengar akan ucapan² wakil² ra'ayat di-Dewan ini, saya takut kalau-lah bila nanti mendengar ucapan dari pehak Kerajaan,

saya khuatir pehak pembangkang khasnya PAS akan mengeluarkan banyak soal personal berkenaan dengan diri sendiri—takut orang lari daripada PAS!

Enche' Ahmad Boestamam (Setapak): Tuan Pengerusi, pertama sa-kali saya ingin mengalu²kan dengan adanya Menteri Muda bagi Kementerian Penerangan dan Siaran Radio kita yang menggantikan tempat Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara itu.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Tengah ada menyebutkan tentang tugas dan kewajipan Jabatan Penerangan. Sungguh menggembirakan, kalau sa-kira-nya benar sa-bagaimana kata Ahli Yang Berhormat itu bahawa Jabatan Penerangan ini tugas-nya mesti-lah memberi penerangan, bukan-lah memberi daayah. Tetapi kadang², kita lihat keadaan ini tidak berlaku, banyak daayah daripada penerangan yang di-beri, mithal-nya kereta² yang menunjukkan wayang gambar itu di-mana ada pilehan raya maka lebeh banyak di-hantar kereta² di-situ dan sambil menunjukkan wayang gambar di-situ, dia mengambil kesempatan mengatakkan undi-lah Perikatan.

Tuan Pengerusi, kalau sa-kali pun benar tugas Jabatan Penerangan ini memberi penerangan, tetapi saya harap jangan-lah hendak-nya penerangan yang akan di-beri itu, penerangan sa-bagaimana yang di-minta oleh Ahli Yang Berhormat dari Seberang Tengah di-beri penerangan tentang telur ayam, telur itek dan lain², sebab kalau Jabatan Penerangan ini memberi penerangan tentang telur, nanti ada orang pula meminta adakan penerangan tentang kueh, kueh mangkok, kueh apam, sedangkan tugas Jabatan Penerangan ini ia-lah memberi penerangan bagi membabitkan kepentingan ra'ayat seluruh-nya, bukan soal telur dan kueh.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Saya tidak meminta Jabatan Penerangan ini menerangkan kepada ra'ayat berkenaan dengan telur, tetapi saya minta supaya Jabatan Penerangan ini menerangkan sikap Kerajaan terhadap ra'ayat supaya ra'ayat akan perchaya kepada Kerajaan.

Enche' Ahmad Boestamam: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan Siaran Radio. Radio, Tuan Pengerusi, merupakan alat pemerintah untuk menerangkan keadaan yang berlaku dalam negeri ini. Saya suka menarek perhatian Menteri Muda tentang siaran radio berkenaan dengan laporan persidangan Parlimen. Ini tidak menyentuh soal luar negeri sa-bagaimana yang di-chakap oleh Ahli² Yang Berhormat yang lain. Laporan persidangan Parlimen itu benar masa yang di-beri hanya-lah 15 minit, tetapi saya ada mengikuti laporan persidangan Parlimen yang membincangkan tentang soal pertahanan, bukan sahaja hampir 10 minit dalam masa 15 minit itu, malah telah di-gunakan untuk menerangkan ucapan Menteri Pertahanan, dan sa-sudah itu di-katakan-nya ada sa-belas orang Ahli dari pehak pembangkang telah berchakap berkenaan dengan Kementerian Pertahanan ini—itu sahaja. Menteri Pertahanan menjawab si-anu bagini bagini, Menteri Pertahanan menjawab si-anu bagini bagini—habis masa 15 minit, tetapi ra'ayat tidak tahu apa yang di-chakapkan oleh Ahli yang sa-belas orang itu. Kalau mahu berlaku adil dan harus berlaku adil, sebab radio bukan kepunyaan Perikatan, radio kepunyaan negeri ini, negeri ini terkandung dari parti Perikatan dan lain² parti juga. Kalau hendak memberi perintah 10 minit dan di-beri lima minit kepada orang lain yang telah berchakap itu, maka jangan di-beri Menteri ini menjawab, ini-ini-ini, tetapi chakap orang yang di-Parlimen itu tidak di-beri

Enche' Abdul Razak bin Hussin (Lipis): Untuk penjelasan, radio hak orang, siaran radio itu hak Kerajaan.

Enche' Ahmad Boestamam: Tuan Pengerusi, saya rasa kalau dia mengatakkan siaran radio itu hak Kerajaan dan kalau dari penerangan itu Kerajaan, erti-nya Kerajaan Perikatan sahaja, tetapi dia harus jangan lupa bahawa Kerajaan sekarang ini ada juga puak pembangkang di-dalam-nya, dan radio itu di-ongkosi bukan sahaja oleh Kerajaan Perikatan tetapi oleh seluruh

ra'ayat negeri ini, baik anggota Perikatan atau tidak Perikatan yang membayar chukai-nya.

Ada satu lagi, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan radio. Saya selalu mengikuti, mithal-nya kalau ada satu temasha maka di-laporkan dari tempat yang di-adakan siaran itu yang di-katakan siaran terus-menerus. Siaran itu, Tuan Pengerusi, tidak terus-menerus, sebab kalau pertunjukan itu satu jam, habis satu jam itu habis. Kalau terus-menerus habis 24 jam, rasa saya tentu-lah lebeh baik di-katakan siaran sa-chara langsung, bukan dari radio itu sendiri.

Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan dari Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio berkenaan dengan orang² yang bekerja sa-bagai part-time dalam Radio Malaya ini. Saya ingin mendapat tahu, apa dia kelayakan²-nya, atau pun qualifications yang membolehkan sa-saorang itu menjadi pekerja part-time dalam radio ini. Dan ada-kah sekatan² yang di-tentukan kepada orang² yang tertentu fahaman politik-nya? Ada-kah orang yang bekerja part-time ini di-beri kerana, barangkali ada kawan-nya atau suami-nya dalam Radio Malaya? Saya ingin hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Muda Jabatan Penerangan dan Siaran Radio tentang bagaimana pekerja part-time ini di-ambil, apa kelayakan yang di-perlukan, dan ada-kah sekatan² dan halangan yang di-gunakan? Sebab saya tahu banyak orang yang ingin bekerja sa-bagai part-time, tetapi orang yang tertentu sahaja yang dapat?

Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan Jabatan Penerangan. Ada satu hal yang selalu berlaku berkenaan dengan penerangan ini, ia-itu berkenaan dengan pertemuan Pengarah Jabatan Penerangan dengan wakil² surat khabar. Saya rasa pertemuan sa-minggu sa-kali di-antara Pengarah Jabatan Penerangan dengan wakil² surat khabar itu tentu-lah di-tujukan untuk menerangkan dan menerangkan samata² akan apa dia sikap dan pendirian parti yang memerintah yang sudah di-putuskan oleh Juma'ah Menteri, supaya menerusi surat khabar

keputusan² itu di-sampaikan kepada ra'ayat. Tetapi, Tuan Pengerusi, ada masa²-nya Pengarah Jabatan Penerangan—saya ingin mengingatkan ia-itu apabila saya sebut Pengarah ma'ana-nya Pengarah Jabatan Penerangan, bukan peribadi-nya—siapa pun menjadi itu—saya ta' peduli. Mithal-nya, saya membacha satu berita dahulu, yang saya tahu Juma'ah Menteri belum memutuskan, mengikut Pengarah Jabatan Penerangan ini, berhubung dengan tuntutan orang² dari Sarawak dan Sabah supaya Malaysia kelak mempunyai bendera yang asing daripada bendera Persekutuan. Erti-nya tidak mahu berasaskan bendera Persekutuan sekarang ini. Apa kata Pengarah Jabatan Penerangan ia-lah amat sukar sa-kali bagi kita untuk mengadakan satu bendera baharu, negeri² di-dunia akan mengambil masa yang panjang sa-kali untuk mengaku bendera baharu ini. Tuan Pengerusi, orang yang alif ba ta politik pun tahu bahawa bendera sa-sabuah negara itu di-akuī bila sahaja negara itu di-akuī oleh dunia *de facto* dan *de jure*-nya. Mithal-nya, Persekutuan apabila di-akuī kemerdekaan-nya oleh negara² di-dunia ini, maka dengan sendiri-nya bendera itu di-akuī, sedang Pengarah Jabatan Penerangan mengatakan tidak boleh. Kalau kita hendak buat bendera asas-nya mesti daripada bendera Persekutuan ini juga meski pun saya tahu maksud-nya hendak propaganda supaya orang itu takut menuntut bendera baharu. Di-sini nampak sa-kali kejahilan kita bahawa bukan bendera yang di-akuī, tetapi negara dan kemerdekaan itu yang di-akuī. Apabila negara dan kemerdekaan itu di-akuī hendak buat bendera terbalek sa-kali pun, ia akan di-akuī. Jadi orang ramai apabila membacha berita itu sa-olah² Kabinet sudah memutuskan bagitu.

Sa-perkara lagi, Tuan Pengerusi, perjumpaan Pengarah Jabatan Penerangan dengan wakil² surat khabar ini yang sa-patut-nya merupakan perjumpaan untuk menerangkan dasar Kerajaan, tetapi ada masa-nya di-gunakan oleh Pengarah itu untuk mengeluarkan pendapat-nya atas suatu hal dan atas sa-saorang sa-hinggakan, Tuan Pengerusi, pertemuan wakil² surat khabar

atas nama Jabatan Penerangan merupakan pertemuan wakil² surat khabar dengan peribadi Pengarah Jabatan Penerangan itu sendiri. Kalau Pengarah Jabatan Penerangan itu ingin hendak mengadakan Persidangan Akhbar umpama-nya dia boleh adakan di-rumahnya, tetapi jangan gunakan Persidangan Akhbar Kerajaan itu sa-bagai tempat untuk dia menyatakan rasa peribadinya. Dengan alasan² ini saya harap supaya dengan ada-nya Menteri Muda Jabatan Penerangan dan Siaran Radio kita yang baharu ini sa-tiap Persidangan Akhbar untuk menerangkan polisi dan apa juga tentang Kerajaan di-lakukan sendiri oleh Menteri Muda supaya segala apa yang di-keluarkannya itu dapat di-terangkan dan dapat di-pertanggung-jawabkan kepada Parlimen.

Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad (Kuala Trengganu Utara):

Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan News Editors dalam Jabatan Siaran Radio dan Reporters dalam Jabatan Penerangan. Sa-bagaimana yang kita ketahui tugas pegawai² ini ia-lah mengambil berita dan melaporkan berita itu bagi bacaan dan pendengaran orang ramai. Saya suka mengeshorkan kepada Kementerian ini ia-itu untuk meninggikan taraf kewartawanan atau pun melaporkan berita dalam negeri kita ini, pegawai² kita itu patut-lah di-beri kursus² khas, dan kalau perlu elok-lah mereka itu di-hantar memasoki mana² Akedemi Wartawan di-luar negeri atau pun di-dalam negeri ini.

Tuan Pengerusi, kira² sa-tahun dahulu Menteri Muda Jabatan Penerangan dan Siaran Radio yang bertanggung-jawab pada masa itu memberi-tahu bahawa Kerajaan negeri ini memang ada tujuan atau chita² hendak mengadakan Akedemi Wartawan dalam negeri ini, tetapi sayangnya rancangan itu tidak timbul, boleh jadi kenyataan yang di-keluarkan itu tidak begitu di-setujui oleh Kabinet yang ada sekarang. Tetapi walau bagaimana pun rancangan Kerajaan hendak mengadakan Akedemi Wartawan itu, kami ada-lah menyokong supaya di-adakan Akedemi Wartawan

itu, sa-kurang²-nya untuk melateh pemberita kita yang saya sebutkan tadi.

Dalam pada itu sa-kira-nya perbelanjaan untuk mengadakan sa-buah Akedemic Wartawan itu besar tidak sa-padan dengan kira² 7, 8 orang wartawan di-beri kursus di-dalam akedemi tersebut. Tidak-lah pula menjadi kesalahan saya rasa akedemic itu boleh di-buka pintu kapada wartawan surat khabar yang bukan kerja dalam Radio Malaya atau pun dalam Pejabat Penerangan ini. Oleh sebab langkah² untuk meninggikan taraf persuratkhabaran dan kewartawanan di-dalam negeri ini ada-lah satu perkara yang mustahak. Dan ini tentu-lah menjadi tanggung-jawab Kementerian Penerangan dan Broadcasting ini. Saperti di-ketahui ia-itu taraf kewartawanan atau pun persuratkhabaran di-negeri ini belum-lah mencapai taraf yang sa-wajar-nya. Sa-bagai buktinya, Tuan Pengerusi, sa-orang Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah, malang-nya dia tidak ada dalam Dewan ini, dia pergi ka-Singapura mensipatkan orang² surat khabar di-negeri ini sa-bagai langau hijau yang hanya tahu menceritakan yang burok², kemudian menyiarkan kepada orang ramai. Saya tidak bersetuju orang² surat khabar dalam negeri ini di-sipatkan sa-bagai langau hijau itu kerana boleh menyakitkan hati orang surat khabar itu. Jadi ini sa-bagai contoh dan tentu-lah apa yang di-gambarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah baharu² ini sa-kurang²-nya dapat di-jadikan perhatian kepada Menteri yang bertanggung-jawab ini betapa penting-nya kita mengadakan langkah² untuk meninggikan persuratkhabaran atau laporan berita² ini, sa-kurang²-nya untuk pegawai² yang tersebut di-dalam Item (17) dan Item (22) di-muka surat 164 dan 168.

Kemudian, Tuan Pengerusi, pegawai² tersebut ini berita² ini patut-lah juga di-beri tahu sementara sa-belum di-adakan Akedemic Wartawan. Ini juga patut-lah di-beri arahan kalau tidak sempat di-beri kursus supaya di-adakan di-dalam tugas-nya sa-bagai pemberita² itu menjalankan tugas sa-bagai sa-orang wartawan. Erti-nya dia menchari sa-banyak² berita yang

berlaku, yang timbul di-dalam negeri ini tidak-lah sa-mata² dia pergi ka-tempat² perjumpaan—meresmikan pembukaan² balai raya, perigi dan sa-bagai-nya. Patut-lah di-arahkan supaya perjumpaan parti² siasah di-negeri ini walau pun berita² saperti itu tidak dapat di-siarkan kepada orang ramai. Memang sudah ada satu dasar Jabatan ini tidak mahu menyiarkan berita² itu tetapi sa-kurang²-nya biar-lah pemberita² itu dapat memenohi pekerjaan-nya atau sa-bagaimana sa-orang pemberita atau wartawan yang sa-patut-nya.

Tuan Pengerusi, muka surat 164 juga Item (14) dan (15) berkenaan dengan Penyusun Ranchangan Radio Malaya ini. Jadi saya tidak-lah hendak mengatakan ranchangan² Radio Malaya ini rendah mutu-nya sebab selalunya kalau di-keritik oleh orang ramai, orang² di-Radio Malaya ini dia pun melenting dan kata-nya, “mana boleh, kita punya ranchangan baik dan mempunyai ranchangan chukup bagus”. Saya rasa elok-lah pegawai ini dan yang terutamanya tuan Pengarah Radio Malaya ini di-Item (1) muka 164, sa-kali² elok-lah membuka dan mengikuti programme Radio di-lain² negeri, katakan-lah Radio Indonesia; marah bila saya sebutkan Indonesia ini (*Ketawa*). Lebeh² pada hari ini pun banyak yang marah apabila menyebutkan Indonesia, supaya dapat di-dengar, dapat di-tengok sa-kurang²-nya ranchangan warta berita-nya itu. Sa-lama 15 minit macham mana orang itu punya siaran, macham mana berita-nya di-keluarkan—berita luar negeri. Apakah banyak berita² mengenai negeri² kapitalis sahaja atau pun macham mana. Dan elok-lah Jabatan ini memikirkan untuk berlanggan juga sa-lain daripada sharikat² berita elok-lah juga di-langgan berita² yang di-keluarkan oleh sharikat² berita luar negeri saperti Antara, TASS kalau perlu. Ini sa-kurang² dapat di-ketahui kalau tidak di-siarkan pun. Jadi berita² dari Republic Arab Bersatu supaya dapat berita² yang sa-benar berkenaan dengan hal² negeri Arab, hal² pemberontakan di-Yaman dan sa-bagai-nya. Jadi dapat-lah berita² yang sa-benar ini dan banyak lagi boleh kita

terima berita² bukan sahaja dari pusat² Kantor Berita di-England sahaja. Jadi berita² ini berita² yang kita dengar daripada satu² pehak, itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi.

Mr Chairman: Saya suka mengingatkan kepada Ahli² Yang Berhormat mengikut jadual, kita terpaksa menghabiskan perbahathan ini pada pukul 12.45. Jadi kita hendak tutup perbahathan ini pada pukul 12.20 supaya dapat saya beri peluang kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab segala hujah² yang telah di-datangkan.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Tuan Pengerusi, mula² sa-kali biar-lah saya masuk dalam hal Radio. Saya sa-lama ini telah mengikuti siaran Radio Malaya dan perkara yang hendak di-baiki atau pun hendak mengadakan ranchangan² yang lebeh bermutu, saya rasa sudah ada dalam timbangan bagi pehak Radio Malaya ini sendiri. Kerana apa yang saya tahu ada penerangan² dan perubahan² dari satu masa ka-satu masa. Saya sendiri memberi sokongan dan tidak payah-lah hendak ikut shor daripada rakan saya Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara itu kerana pada pendapat saya siaran warta berita daripada Radio Malaya pun kita dapati banyak juga berita² yang berlaku di-tempat² lain, umpama-nya berita² dari Russia walau pun dari melalui TASS tidak melalui PRAVDA atau pun lain tetapi berita² dari UPI ada di-siarkan oleh Radio Malaya. Tinggal lagi sama ada kita seronok atau tidak seronok mendengar perkara itu, itu timbangan kepada pehak kita sahaja, tetapi saya rasa bagi ra'ayat dapat puas hati dengan ranchangan² ini. Walau pun bagitu bagi pehak Kerajaan kalau saya hendak menjawab pun boleh kerana saya ini bukan Menteri memang ada mempunyai pandangan² untuk membaiki perkara² yang kita tahu negara kita ini baharu.

Kemudian berhubung dengan Radio Malaya, ini ulasan persidangan Dewan Ra'ayat. Bagi saya kalau ada shor hendak memanjangkan masa saya ber-setuju tetapi kadang² kita hendak

mengajar pehak yang mengeluarkan berita atau pehak yang bersangkutan dengan persidangan Dewan ini, saya rasa anchaman oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak tadi kerana memang itu ra'ayat hendak tahu apa jawapan Menteri. Jadi, terpaksa-lah apa yang hendak di-jawab oleh Kerajaan itu ra'ayat hendak mengetahuinya—hendak mendengar barangkali Kerajaan hendak menaikkan chukai tentu-lah mereka hendak dengar jawapan Menteri. Dan saya pernah mengikuti perbahathan ini ada kalanya daripada pagi sampai ka-tengah hari tidak ada chan kami di-sini hendak berchakap kemudian berita yang dikeluarkan oleh Radio Malaya hanya berita dari pehak Pembangkang sahaja. Jadi semua-nya ini mesti kita ikuti warta berita baharu kita tahu. Perkara yang macham ini saya rasa tentu-lah tidak munasabah kita hendak mengarahkan alasan dan fikiran sa-saorang itu mengikut sahaja kemahuan kita. Jadi perkara² yang kechil ini tidak patut kita keluarkan. Kita selalu berchakap di-sini ta' di-keluarkan oleh Radio Malaya pun ada, ta' di-sebutkan nama-nya pun ada, kadang² salah nama pun ada. Jadi itu tidak menjadi satu perkara yang besar kerana kita tahu sa-saorang itu membahathkan perkara di-dalam Parlimen ini tentu-lah perkara² yang mustahak di-utamakan. Dan untuk menegaskan pada kawasan saya Yang Berhormat dari Setapak dan Damansara mereka ini selalu membuat keritik² berkenaan dengan Radio Malaya ini maseh mengatakan ada lagi agak² berbahu penjajah bagitu dan bagini. Dahulu saya pernah berchakap berkenaan dengan Radio ini juga, kapada wakil Damansara itu ingin hendak menyampaikan atau pun hendak mengajar siaran Radio membuat benda² atau chara yang hendak di-arahkan, elok-lah berkuasa dahulu. Kita tidak mahu sekarang ini di-bawah Kerajaan Perikatan, Jabatan Radio ini di-bawah naungan Kerajaan saya rasa tentu-lah Kerajaan akan mengutamakan hal² bersangkut dengan Kerajaan dan ra'ayat yang dapat dilaksanakan atau di-jalankan dari satu masa ka-satu masa. Kalau kita dudok dan tidak mahu perkara² ini di-fikirkan tidak munasabah

Mr Chairman: Saya boleh beri satu minit sahaja lagi.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak: Jadi, Tuan Pengerusi, satu lagi perkara berkenaan dengan penerangan. Saya hendak menjawab ucapan Yang Berhormat dari Setapak juga. Kerana dalam masa Kerajaan kita ini mengeluarkan kereta van memberi penerangan kapada orang ramai di-tudoh dan di-katakan, jangan-lah bila ada pilehan raya sahaja baharu di-hantar banyak kereta penerangan ini. Ini patut kalau saya pun bertanding di-tempat itu saya minta kereta penerangan ini di-hantar di-situ sebab sa-tengah² orang memberi penerangan yang bukan². Apa keputusan Kerajaan mithal-nya tahun ini chukai ini sekian, chukai ini sekian, jadi patut di-siarkan kapada orang ramai tetapi di-kelirukan oleh pemimpin² orang yang tidak bertanggung-jawab. Patut-lah Kerajaan mengambil tahu mengambil kesempatan untuk menerangkan bukan suroh ra'ayat mengundi kalau suroh mengundi saya tidak bersetuju. Lagi sa-tengah minit, Tuan Pengerusi.

Ada satu lagi perkara ia-itu ada ranchangan untuk memberi penerangan ugama barangkali di-beri oleh Pejabat Penerangan ini tetapi saya nampak perkara ini belum lagi berjalan dengan baik. Saya harap kereta penerangan ini dapat masuk ka-kampung² dan memberikan penerangan². Saya fikir elok-lah pegawai² ugama ini menjalankan tugas-nya kerana banyak perkara² yang karut² di-leborkan atau di-sebarkan oleh orang yang tidak bertanggung-jawab untuk kepentingan ra'ayat negeri kita ini, terima kaseh.

Enche' Mohamed Ismail bin Mohamed Yusof: Mr Chairman, Sir, I wish to thank Honourable Members for their constructive criticisms, but there are some who in their usual tenor keep on repeating what they have said in the previous years.

In dealing with matters point by point raised by Honourable Members, I would, first of all, deal with the Honourable Member for Damansara. The Honourable Member has alleged that there is a deterioration in the moral standard of broadcasting by

Radio Malaya and he goes on to say that there is no objective reporting and that there is prejudice in the broadcasting from Radio Malaya as regards Brunei. Sir, I refute that allegation and I wish to state it very clearly that Radio Malaya is the Voice of Malaya, not the voice of Peking, not the voice of Moscow; nor is it the voice of the Socialist Front, or the voice of Communism. (*Applause*).

On the question of Brunei, he repeated what he had said in this House, but he seems to have ignored completely the repeated statements made by the Honourable Prime Minister time and time again that the rebellion in Brunei is a rebellion against the Sultan and the Government of the day—it is a rebellion—a word used by His Highness the Sultan himself—and that word is repeated through Radio Malaya as reported from Brunei. We are not anybody's apparatus or anyone's parrot. We are on our own and Radio Malaya is being run by the Government of the Federation of Malaya.

Now, Sir, having dealt with that point, I come to the Honourable Member for Pasir Puteh. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah membangkitkan satu perkara berkenaan dengan sa-orang Pegawai yang telah berkhidmat dengan Radio Malaya selama 5 tahun dan juga berkhidmat dengan Radio Brunei sa-lama 3 tahun. Dia bertanya mengapa-kah Pegawai ini manakala berhenti dari Radio Brunei tidak di-ambil balek bekerja di-Radio Malaya sebab Pegawai ini meminta kerja balek. Saya suka menerangkan, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Pegawai tersebut ia-lah sa-orang Pegawai sementara yang telah meletakkan jawatan-nya daripada Radio Malaya sa-belum dia pergi berkhidmat ka-Brunei. Oleh yang demikian dia bukanlah sa-bagai sa-orang Pegawai yang terus menerus perkhidmatan-nya atau pun "on secondment" kepada Kerajaan Brunei. Oleh yang demikian manakala dia meminta balek bekerja di-Radio Malaya maka terpaksa-lah permintaan-nya itu di-timbangkan sa-mula sa-bagai mana orang² yang meminta kerja di-Radio Malaya itu, ia-itu mengikut

kelayakan sa-saorang itu. Oleh yang demikian tidak-lah di-layan sa-bagai Pegawai Kerajaan "on secondment" manakala dia sudah berkhidmat ka-luar negeri, tetapi tidak berhenti daripada Radio Malaya manakala dia balek di-ambil sa-mula. Perkara pegawai yang tersebut itu tidak-lah dapat di-beri keutamaan saperti pegawai² yang bekerja tetap.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah bertanya berkenaan dengan pemancaran mengapa-kah perbelanjaan Tape Recording itu lebih bagi tahun hadapan. Saya suka menyatakan lebih-nya perbelanjaan Tape Recording itu bagi tahun hadapan ia-lah Radio Studio kita pada tahun hadapan akan mulai memancar daripada Melaka, Pulau Pinang, dan juga Kota Bharu. Sebab tiga tempat ini banyak menggunakan Tape Recording maka terpaksa-lah menggunakan wang yang banyak pada tahun hadapan. Berkenaan dengan soal Publicity Campaign, saya suka menerangkan soal Pameran yang di-adakan di-London itu, dan juga berkenaan dengan satu "painting" daripada Sarawak, ini sa-benar-nya bukanlah Pameran yang di-anjorkan oleh Pejabat Penerangan, tetapi di-anjorkan oleh sa-buah pertubuhan di-London dan tidak ada kena-mengena dengan Pejabat Penerangan. Jadi manakala Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan di-London melawat Pameran itu, boleh jadi perkara yang tidak benar yang di-tunjokkan itu, maka dengan sebab itu beliau telah membangkitkan perkara itu kepada pihak yang berkenaan. Ini bukan-lah bersangkut-paut dengan Pejabat Penerangan.

Berkenaan dengan civic course, saya suka terangkan ia-itu civic course ini ada-lah satu perkara yang mustahak, satu perkara yang di-jalankan di-kebanyakan negeri² yang berkemajuan bagi memberi kursus kepada penduduk², ketua² dan sa-bagai-nya untuk mendalami lagi pengetahuan mereka itu, dan mengetahui lebih jelas apa yang berlaku dalam negeri ini tentang dasar Kerajaan, rancangan² Kerajaan dan sa-bagai-nya. Bukan-lah penerangan itu di-beri berdasarkan penerangan parti² politik—tidak. Ini tidak betul sa-bagaimana yang di-katakan

oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi bagaimana pun saya suka mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat itu, bahawa Kerajaan yang ada pada hari ini ia-lah Kerajaan Perikatan, jadi penerangan² itu ia-lah atas dasar Kerajaan Perikatan, kerana Kerajaan Perikatan menjalankan pertadbiran berdasarkan manifesto pilihan raya yang di-keluarkan dalam tahun 1959 dahulu, kerana itu-lah janji yang dibuat kepada ra'ayat. Itu-lah kursus yang di-beri kepada mereka itu.

Atas soal siaran sa-lari yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh juga, saya suka menerangkan kepada beliau ia-itu ini ada-lah satu perkara yang akan memakan belanja yang banyak, dan juga patut di-timbangkan terutama sa-kali dalam Dewan ini sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat itu menyatakan, ia-itu kita berkehendakkan ra'ayat itu faham demokrasi; tetapi di-Dewan ini chakap itu sahaja yang kita dengar, kadang² kita tahu selalu tidak di-jalankan, tidak di-cheritakan kepada ra'ayat² itu sendiri. Oleh yang demikian, kalau-lah dipersetujukan siaran sa-lari ini, Ahli² Yang Berhormat dari sa-belah sana dengan sa-rentak atau berebut² bangun kerana hendak berchakap dalam Dewan ini. Saya fikir perkara yang sa-macam ini hendak-lah di-timbangkan dahulu, dan belum sampai masa-nya yang Ahli Yang Berhormat itu sendiri telah sampai kepada keadaan yang bertanggong-jawab—kalau sampai kepada keadaan yang sa-benar apa itu demokrasi dengan practical-nya—saya tidak-lah hairan untuk di-adakan siaran sa-lari itu.

Berkenaan dengan siaran Radio Orchestra, saya suka menyatakan ia-itu siaran Radio Orchestra sa-lain daripada ahli² Radio Malaya Orchestra ada-lah meliputi—kalau Ahli Yang Berhormat itu lihat dalam estimate—bukan-lah ahli konterek, ada ahli kerja tetap dan ada juga sa-tengah-nya ahli konterek, tetapi itu bukan-lah soal-nya. Saya suka menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat sa-lain daripada Radio Malaya Orchestra, banyak tape recording yang sa-memang di-rakamkan daripada orchestra atau pun ahli² musik daripada beberapa tempat dari pantai

timor, dan di-mainkan di-Radio Malaya, tetapi kalau hendak di-bawa tiap² orkes ka-Radio Malaya untuk di-siarkan, maka ini tentu-lah akan memakan belanja yang banyak. Sa-lain daripada itu juga, sa-memang kita memberi galakan kepada orchestra di-pantai timor atau di-pantai barat, supaya mengelokkan lagi lagu² dan menaikkan taraf lagu². Sadikit hari lagi apabila siap Radio Kota Bharu saya harap Ahli Yang Berhormat itu boleh pergi ka-studio baharu kita di-Kota Bharu.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Tengah berchakap berkenaan dengan penerangan² yang di-minta supaya di-banyakkan lagi. Saya suka menyatakan ia-itu sa-memang-lah menjadi dasar Kerajaan untuk memberi penerangan² kepada ra'ayat sa-terus-nya berkenaan dengan ranchangan² Kerajaan, tetapi dengan sebab kekurangan kaki-tangan, dan perbelanjaan maka ta' dapat-lah kita mengadakan sa-bagaimana yang kita kehendaki dengan sa-penoh-nya. Sunggoh pun begitu sedang di-jalankan dengan banyak-nya penerangan² di-jalankan ka-seluruh kampung² dalam Tanah Melayu ini.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam telah membangkitkan berkenaan soal siaran yang tidak berapa terang di-Johor. Ini saya rasa pada tahun sudah telah saya terangkan ia-itu ikhtiar sedang di-jalankan untuk mengadakan satu studio di-Johor. Tujuan mengadakan studio di-Johor Bahru itu ia-lah supaya pendengar² di-Johor Bahru dan juga di-kawasan² Johor sa-terus-nya dapat mendengar siaran itu dengan lebeh baik dan lebeh jelas lagi. Insha' Allah ta' berapa lama lagi pada tahun hadapan ia-itu ta' berapa bulan lagi, pendengar² siaran radio di-Johor Bahru akan dapat mendengar siaran itu dengan chukup jelas manakala siap di-bena studio baharu kelak.

Berkenaan dengan soal lawak jenaka, Ahli Yang Berhormat itu telah membangkitkan tadi, saya perchaya Ahli itu setuju banyak lawak jenaka Radio Malaya itu, umpama-nya Kebun Pak Awang yang sa-lain daripada memberi gelak ketawa kepada pendengar², juga

memberi pelajaran yang membena kapada penduduk² kita, terutama sekali kapada pekebun² dan kapada petani² kita di-kampung². Memang-lah menjadi dasar Radio Malaya bagi membaiki ranchangan ini dari satu masa ka-satu masa dengan berpe-domankan kapada kehendak² dan kemahuan² dan surat² yang di-terima dari seluroh Tanah Melayu ini.

Sungguh pun begitu, saya suka menyatakan tentu-lah Radio Malaya ini tidak dapat 100 peratus memuaskan hati tiap² pendengar itu, kerana sa-saorang itu ada perkara yang dia suka dan ada perkara yang dia tidak suka. Walau pun demikian, apa juga ranchangan yang di-siarkan itu ada-lah untuk dan bagi pendengar yang suka mendengar penerangan dan siaran dari Radio Malaya.

